

04 AUG 1998

DR MAHATHIR TIBA DI JOHOR UNTUK LAWATAN SEHARI

JOHOR BAHRU, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai petang ini untuk lawatan kerja sehari ke Johor.

Ketibaannya disambut oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan pembesar-pembesar negeri yang lain.

Sejurus selepas tiba, Perdana Menteri ke Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu untuk menghadiri perjumpaan bersama pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) serta pegawai kanan kerajaan.

Pada pukul 6.45 petang ini, Dr Mahathir akan melawat pameran Jambatan Sungai Johor dan pembangunan Desaru di Hotel Sofitel, Senai.

Beliau akan menghadiri jamuan malam bersama Badan Perhubungan Umno Negeri Johor pukul 8 malam.

Aturcara terakhir Perdana Menteri ialah perjumpaan tertutup dengan ketua-ketua Umno bahagian, pemimpin pergerakan Pemuda dan Wanita Umno serta pegawai-pegawai penerangan Umno Johor di Hotel Sofitel pukul 9 malam sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

RAM NMO